

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/Jld13 (10)
Tarkh: 4 Jun 2015

KENYATAAN AKHBAR

OPERASI PEMERIKSAAN PREMIS KEDAI DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PENYEDIAAN TONG SAMPAH DAN PEMATUHAN SYARAT PEMBERSIHAN DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Sejumlah 5,000 premis kedai di 11 buah Pusat Bandar di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dijangka akan diperiksa dari segi pematuhan syarat-syarat kebersihan, halangan dan penyediaan tong sampah mulai 15hb Jun 2015 sehingga 15hb Ogos 2015.

Pasukan petugas diketuai oleh pegawai daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan dianggotai oleh pegawai daripada Jabatan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Perlesenan akan mengunjungi setiap premis dan menjalankan pemeriksaan secara pemerhatian.

Sebagai permulaan, 6 Kesalahan melanggar syarat perlesenan yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ), 2007, Undang-Undang Kecil Establismen Makanan (MBPJ), 2007 serta pembinaan struktur bangunan tanpa kebenaran di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 seperti berikut akan diteliti, iaitu:

1. Pencemaran air longkang tanpa adanya perangkap minyak bagi establishmen makanan; atau
2. Perangkap minyak yang tidak berfungsi; atau
3. Tidak ada tong sampah yang mencukupi dan sesuai, iaitu minimum sebuah tong roro 240 liter; atau
4. Menutup sepenuhnya longkang di depan/tepi kedai; atau
5. Menggunakan longkang depan/belakang/tepi untuk kegunaan/tujuan aktiviti perniagaan/penstoran/pencucian; atau
6. Menjalankan aktiviti perniagaan di lorong belakang

Tujuan operasi adalah untuk memastikan setiap pemegang lesen akan menjaga kebersihan dan keindahan kedai dan kawasan persekitaran di samping meminimalkan masalah halangan ke atas kerja-kerja pembersihan awam seperti mencuci longkang. Bagi Fasa 1, tingkat bawah bagi semua premis kedai di Pusat Bandar seperti berikut akan diperiksa, iaitu: -

1. Pusat Bandar Seksyen 52, Seksyen 14 dan Seksyen 8
2. Old Town (Sek 1, 3)
3. SS9A (Seri Setia)
4. Sri Damansara SD 5
5. Damansara Sunway
6. SS 2
7. PJU 5 Sek 6
8. SS 6
9. SS 21
10. PJS 8 Sunway Mentari
11. Damansara Perdana

Pegawai yang memeriksa premis akan mencatatkan sebarang ketidak-patuhan syarat lesen dan notis peringatan dengan catatan kesalahan akan disampaikan serta-merta bagi membolehkan pemegang lesen memperbetulkan kesalahan dalam tempoh masa 14 hari.

Pemegang lesen dikehendaki mengembalikan surat rayuan bersama bukti foto yang menunjukkan pembaik-pulihan telah dilakukan kepada Jabatan Perlesenan MBPJ untuk tindakan lanjut. Jabatan Perlesenan tidak akan memproses permohonan memperbaharui lesen menjelang bulan Oktober sekiranya pemegang lesen tidak mengemukakan rayuan dalam tempoh masa yang diberikan.

Majlis berharap dengan pendekatan tidak memperbaharui lesen, pemegang lesen lebih bersedia untuk mematuhi segala syarat lesen berkenaan kebersihan. Langkah yang sama turut akan dikuatkuasakan dengan serta merta bagi permohonan baru lesen tred dan perniagaan. Bagi Fasa 2 selanjutnya yang dijangka dijalankan pada awal tahun 2016, kawasan liputan ke atas premis perniagaan lain akan diperluaskan.

Satu taklimat bersama wakil persatuan perniagaan termasuk Petaling Jaya Coffeeshop Association, PRISMA, Petaling Jaya Chamber of Commerce and Industries dan lain telah diadakan pada 28hb Mei 2015. Di atas permintaan hadirin mesyuarat, Majlis telah bersetuju bagi kesalahan (5), iaitu menggunakan longkang depan/belakang/tepi untuk kegunaan/tujuan aktiviti perniagaan/penstoran/pencucian, kelonggaran masa selama 2 bulan akan diberikan bagi pemegang lesen mengambil tindakan pembaik-pulihan demi mematuhi syarat tersebut.

Majlis menyeru pihak media dapat menghebahkan operasi pemeriksaan ini dan berharap semua pemegang lesen akan mematuhi segala syarat perlesenan yang telah ditetapkan demi menjaga kebersihan Bandaraya Petaling Jaya.

Untuk keterangan lanjut berkenaan operasi ini, sila hubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 21, Menara MBPJ, 46675 Petaling Jaya di talian 03-79541440 atau e-mel: lee@mbpj.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: [Petaling Jaya City Council](#), twitter: [pjcitycouncil](#),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695